***SOALAN NO : 33***

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB TUAN CHOW KON YEOW** |
| **KAWASAN** | : | **TANJONG** |
| **TARIKH** | : | **14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)** |

**SOALAN :**

**YB TUAN CHOW KON YEOW** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai projek-projek pembinaan dan penaiktarafan bangunan persekutuan serta jalan raya persekutuan yang telah diluluskan di Pulau Pinang sejak 2018. Perincikan kos dan jangka masa pelaksanaan projek-projek berkaitan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, terdapat 34 projek bangunan yang telah diluluskan di Pulau Pinang sejak tahun 2018 yang melibatkan sebanyak 12 projek di peringkat perancangan, 4 projek peringkat perolehan dan selebihnya sebanyak 18 projek peringkat pembinaan. Pecahan projek di peringkat pembinaan pula melibatkan 12 bilangan projek bangunan selebihnya sebanyak 6 bilangan projek adalah projek infra. Jumlah kos projek di Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah sebanyak RM2,244,181,900.00.

Bagi projek jalanraya pula, terdapat 2 projek menaiktaraf Jalan Persekutuan yang sedang dalam proses pembinaan dari tahun 2017. Kedua-dua projek itu ialah Menaiktaraf Laluan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling (Sek.720) Ke Jambatan Di Atas Sungai Junjung, Simpang Ampat (Sek.740), Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang dan projek Membina Jalan Dari 2 Lorong Ke 4 Lorong Dari Permatang Elong (Sek.773) Hingga Jambatan Merdeka (Sek.782) Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Pada masa kini, kedua-dua projek tersebut sedang dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, kos projek menaiktaraf jalan Persekutuan di Pulau Pinang yang telah diluluskan adalah sebanyak RM483,390,000.00.

Sekian, terima kasih.